



Penguatkuasaan persepadu bersihkan 'lorong hanyir' di KL

ala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ang melaksanakan pelbagai tindak bagi membersihkan jalan dan 'lorong belakang' di kota yang dikatakan terkenal dengan aktiviti pelacuran. Anjuran usaha pembersihan diatur, termasuk pengindahan fizikal selepas pererusi pembukaan kafe, kedai makanan dan muda.

dan galeri oleh anak Bandar Kuala Lumpur, Sri Dr Maimunah Mohd Berkata pihaknya sedangkan pembersihan danhan lorong belakangn menggantikannyaenggiat kafe atau kedaiak muda atau galeri.

*t kuasa DBKL menjalankan
membanteras kegiatan
t di sekitar ibu kota.*



A photograph showing three construction workers in a room that appears to be under renovation or construction. The worker in the foreground is wearing a blue cap, a grey t-shirt, a high-visibility yellow vest, and black pants. He is looking towards the right side of the frame. Behind him, another worker in a similar vest and cap stands near a doorway. In the background, there's a wall with a textured, possibly stone or concrete, finish. A ceiling light fixture is visible above. The floor is covered with various construction materials, tools, and debris, including a green plastic container and some electrical equipment.

"Kita beri insentif, ingin adikan kawasan ini seperti 'side walk cafe' di Paris dengan menukarnya kepada aktiviti lain, mungkin kita letakkan mural. "Apabila kawasan ini terang dan bersih, saya harap aktiviti elacurian tiada lagi ataupun apat dikurangkan," katanya melalui program Podcast BH, Borak Hari Ini: Kuala Lumpur di Tangan Maimunah. Podcast itu mula disiarkan semalam.

Pada masa sama, Maimunah berkata, pihaknya juga akan mengusahakan supaya aspek engkuatkuasaan ditingkatkan secara bersepudu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jatan Imigresen terhadap rumah elacuran di ibu negara.

Ini kerana punca kuasa DBKL hanya membabitkan premis dan lesen operasi, sebaliknya berkaitan aspek lain seperti kerja asing dan jenayah, ia diawah bidang kuasa PDRM dan migresen.

"Masa berjumpha Ketua Polis Daerah Dang Wangi baharu Asisten Komisioner Sulizmie Affendy Sulaiman) saya cadang hari kita lakukan operasi secara serenpadu.

"Ia memang sudah ada, tetapi

hendak kerapkan lagi sebab (DBKL) nak tangkap tak boleh, kalau buat bersepudu dan berte-rusun mungkin (pelacuram) boleh dikurangkan walaupun susah dihapuskan," katanya.

Sebelum ini, polis mengenal pasti empat lokasi sarang pelacuran di sekitar ibu kota iaitu Jalan Petaling, Jalan Gelang dan Jalan Pudu.

Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan tidak menolak kemungkinan wujud elemen sogokan sehingga menyebabkan pusat pelacuran di ibu kota sukar dihapuskan.

Perdana Menteri bagaimana-pun berkata, kerajaan pimpinannya sudah mengambil tindakan agak keras sejak tahun lalu bagi menangani isu terbabit.

Menyentuh aspek pelancongan, Maimunah berkata, beliau mahu tarikan di ibu kota berteraskan pendekatan sihat dan bersih termasuk kewujudan rumah urut atau spa beroperasi secara sah tanpa elemen negatif.

"Kita mahu rumah urut yang bersih dan teratur, itu tarikan pelancongan tetapi mesti berjalan dalam landasan perundangan," katanya.